

**PEMANSUHAN JENAYAH CUBAAN BUNUH DIRI DI BAWAH SEKSYEN 309 KANUN
KESEKSAAN: BERSEDIakah MALAYSIA?**

***DECRIMINALISATION OF SUICIDE ATTEMPT UNDER SECTION 309 OF THE PENAL
CODE : IS MALAYSIA READY?***

ⁱ*Norashikin Sharifuddin, ⁱⁱHazlina Mohd Padil, ⁱⁱⁱAliff Rahimi Abd Rahim, ^{iv}Muhammad Akmal Mazlan, ⁱNamirah Mohd Akahsah, ⁱSharifah Shatrah Syed Hamid

ⁱFakulti Undang-undang, Pusat Asasi, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Selangor, Malaysia

ⁱⁱFakulti Undang-undang, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱKuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

^{iv}Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) email: norashikin586@uitm.edu.my, hazli6749@uitm.edu.my, aliffrahimi010329@gmail.com, waushe123@gmail.com, namirah9532@uitm.edu.my, shatrah@uitm.edu.my

ABSTRAK

Di era 2020, depresi atau kemurungan merupakan penyakit mental yang telah dikenalpasti sebagai penyakit yang mempunyai peningkatan jumlah penghidap daripada pelbagai kategori umur. Melalui berita-berita yang dikongsi di dada akhbar dan media, terdapat peningkatan bilangan kes cubaan membunuh diri. Kebanyakan yang melakukan cubaan untuk membunuh diri merupakan penghidap yang telah didiagnosa oleh pakar psikiatri telah menghidapi penyakit mental seperti depresi, bipolar, gangguan stress pasca trauma (PTSD), gangguan kebimbangan, stress yang keterlaluan dan sebagainya. Artikel ini mengupas kes yang melibatkan seksyen 309 Kanun Keseksaan dengan menganalisa kepentingan seksyen tersebut sama ada dikekalkan, digubal atau dimansuhkan. Kupasan secara mendalam dengan membuat perbandingan dengan negara-negara yang telah menggubal provisi seksyen tersebut agar bersesuaian dengan keadaan semasa turut dibincangkan agar undang-undang selari dengan peredaran masa yang dan memudahkan urusan seharian kita namun, di satu sudut turut memberi impak yang besar kepada golongan yang menghidapi penyakit mental yang mana kesan dan akibatnya, ramai bertekad menamatkan nyawa tanpa menyedari atau mengabaikan undang-undang yang menghukum perbuatan cubaan menamatkan nyawa.

Kata Kunci: *pemansuhan (decriminalising), cubaan membunuh diri, seksyen 309 Kanun Keseksaan, penyakit mental, Malaysia*

ABSTRACT

In the era of 2020, depression is a mental illness that has been identified as a disease which is increasing in the number of sufferers regardless of age. From the reported news in the press and media, there is an increase on the number of suicide attempts. Most of the suicide attempts are done by the sufferers who have been diagnosed by the psychiatric a shaving mental disease such as depression, bipolar, post-traumatic stress disorder (PTS), anxiety disorder, overstress etc. This article examined the cases involving seksyen 309 of the Penal Code by analysing the significance of such section whether to stay enforce, amend or repeal. Detailed examination and in-depth discussion by comparing with other countries which had repealed the provision of the section to suit the current situation so as to ensure that the law is relevent with current situation and to ease our daily affairs, nonetheless it gives a big impact to the patients with mental disease which effects led to many decided to end their lives without realising or ignoring the law which sanction those who attempted suicide.

Keywords: *decriminalising, suicide attempt, Section 309, Penal Code, mental illness, Malaysia*

Pengenalan

Sejak sedekad yang lalu, perbuatan membunuh diri telah mendapat perhatian sebagai masalah global yang semakin berleluasa. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2014 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 800,000 individu yang kehilangan nyawa berpunca daripada membunuh diri (World Health Organisation [WHO], 2014). Sebagai usaha untuk mengetengahkan isu global ini, Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh Diri (IASP) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan tarikh 10 September sebagai Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia dan ia menjadi acara tahunan sejak tahun 2003. Sambutan ini penting bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan kesihatan mental dan juga mencegah daripada berlakunya kejadian bunuh diri.

Di Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2017 mendapati tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja berumur antara 13 dan 17 tahun menunjukkan peningkatan tren iaitu prevalen idea bunuh diri adalah 10% dalam tahun 2017 berbanding 7.9% dalam tahun 2012. Kajian yang sama juga mendapati prevalen kemurungan adalah 18.3%, di mana 1 daripada 5 remaja mengalami gejala kemurungan, 2 daripada 5 mengalami keresahan dan 1 daripada 10 mengalami stress (Fact Sheet Kempen Nasional, 2020)

Pada 02 Februari 2020, rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan berita seorang lelaki kurang upaya (OKU) yang telah dijatuhkan hukuman penjara selama enam (6) bulan atas cubaan membunuh diri di Kuala Terengganu, Malaysia (Yatim, 2020). Keputusan tersebut telah mendatangkan pelbagai reaksi dari kalangan orang ramai. Namun, ini bukan kes pertama percubaan membunuh diri dijatuhkan hukuman. Di awal bulan Ogos 2020, Shafirul Hakim, lelaki berumur 28 tahun telah diselamatkan dari melompat dari balkoni rumahnya. Dia telah dibicarakan dan dikenakan denda sebanyak RM 3,000 dan Majistret Tawfiq Affandy Chin mengarahkan beliau untuk menjalani penjara selama tiga (3) bulan sekiranya tidak berkemampuan untuk membayar denda tersebut. Sebuah lagi kes telah mendapat perhatian pada tiga (3) bulan melibatkan seorang lelaki berumur 42 tahun. Beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama sebulan atas kesalahan cubaan untuk membunuh diri dengan menikam diri sendiri menggunakan pecahan tingkap kaca (Harian Metro, 2020). Kes-kes yang dilaporkan di dada akhbar adalah sebahagian daripada kes percubaan membunuh diri yang menjadi tumpuan masyarakat Malaysia.

Perspektif Perundangan

Di Malaysia, cubaan membunuh diri merupakan satu jenayah dan individu yang melakukan perbuatan tersebut boleh dikenakan hukuman penjara sehingga satu (1) tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali (Kanun Keseksaan, Akta 574). Sebelum menilai keperluan sesuatu peruntukan undang-undang, penyelidikan secara terperinci harus dijalankan untuk mengetahui alasan dan matlamat undang-undang tersebut digubal oleh Parlimen. Sejarah penggubalan Kanun Keseksaan di Malaysia bermula pada tahun 1871 oleh Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat dan berkuatkuasa di negeri-negeri tersebut ketika itu. Kanun Keseksaan di Malaysia adalah berasaskan Kanun Keseksaan Negeri-Negeri Selat yang berkuatkuasa pada 16 September 1872 dan telah melalui pelbagai proses pemindaan dan pemansuhan sehingga adanya Kanun Keseksaan atau lebih dikenali sebagai Akta 574 di Malaysia pada hari ini. Namun, sejarah di sebalik penggubalan Kanun Keseksaan itu harus diteliti bagi mengenal pasti rasional peruntukan Seksyen 309 Kanun Keseksaan diwujudkan sekali gus meneliti rasional di sebalik penjenayahan tersebut.

Kanun Keseksaan di Malaysia merupakan *pari materia* dengan Kanun Keseksaan di India. Justeru, pendekatan yang digunakan berasal dari Undang-undang Inggeris (*Common Law*) memandangkan sistem perundangan di India dipengaruhi oleh British. Sejarah menunjukkan bahawa asas perundangan di British adalah berdasarkan fahaman agama Kristian. Perbuatan membunuh diri dianggap berdosa

serta bertentangan dengan arahan tuhan iaitu untuk tidak mengambil nyawa seseorang. Oleh itu, perbuatan membunuh diri adalah satu kesalahan di sisi tuhan sekali gus menjadi asbab penjenayahan perbuatan cubaan membunuh diri tersebut (Biggar et al., 2006). Polemik terhadap perbuatan membunuh diri pada abad pertengahan sering diertikan dengan dosa dan jenayah (Cusack, 2018). Jelaslah bahawa alasan untuk menjenayahkan perbuatan cubaan membunuh diri bermula daripada larangan tuhan terhadap perkara tersebut. Selain itu, rasional di sebalik tindakan menjenayahkan cubaan membunuh diri merupakan satu mekanisme untuk tidak menggalakkan mana-mana pihak yang bercadang untuk membunuh diri sebagai solusi (Mishara & Weisstub, 2016). Secara mudahnya, hukuman yang disertakan sebagai usaha untuk mencegah masalah ini bertindak sebagai medium agar pelaku berasa takut terhadap perbuatan yang dilakukan. Menurut Latha dan Geetha (2016), undang-undang sedia ada sepatutnya tidak membiarkan mana-mana pihak menggalakkan perbuatan membunuh diri dan mengambil nyawa seseorang walaupun nyawa diri sendiri. Konsep yang dipakai bersifat universal, tidak kisah siapa yang menjadi mangsa, hukuman tetap dikenakan.

Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, keperluan seksyen 309 dapat dirumuskan kepada tiga matlamat utama. Pertama, matlamatnya adalah berteraskan kepercayaan agama dan untuk memenuhi kehendak tuhan. Kedua, tujuan undang-undang ini digubal adalah untuk mengekang masalah bunuh diri daripada terus berleluasa. Ketiga, undang-undang ini diperkenalkan adalah untuk menghukum pesalah yang mengambil nyawa mana-mana individu sewenang-wenangnya termasuklah diri sendiri. Ketiga-tiga matlamat ini telah menjadi asas kewujudan seksyen 309 tanpa menekankan aspek psikologi.

Mengapakah mereka ini dihukum? Ini kerana Malaysia mengguna pakai seksyen 309 Kanun Keseksaan yang secara jelas menyatakan bahawa individu yang disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau kedua-duanya. Berdasarkan undang-undang ini, mereka yang melakukan percubaan membunuh diri adalah layak dibicarakan dan dihukum. Persoalannya, adakah undang-undang seperti ini masih relevan di zaman moden ini? Sebelum itu, penting untuk kita fahami asal usul seksyen 309 Kanun Keseksaan ini dan sejarah sebaliknya. Jadi bagaimana adanya undang-undang ini di Malaysia? Sejak penjajahan British di Tanah Melayu pada abad ke-18, mereka telah membawa bersama-sama mereka undang-undang yang digelar sebagai Undang-Undang Inggeris (*Common law*). Kanun Keseksaan yang dipraktikkan di Malaysia adalah sebenarnya sebuah salinan dari Kanun Keseksaan India. Ini kerana pihak British merasakan bahawa ia dapat diaplikasikan dengan baik di India lantas memperkenalkan Undang-undang yang sama di Tanah Melayu selepas penjajahan mereka. *Common law* berasal daripada British dan dibawa bersama mereka ketika menakluki sesuatu kawasan. Oleh kerana itu, pihak British telah menganggap perbuatan membunuh diri sejak abad ke-13 lagi dan boleh dihukum mereka yang gagal dalam percubaan. Namun, stigma terhadap perbuatan membunuh diri telah lama disebarkan dalam kalangan orang Eropah beragama Kristian sebelum abad ke-13 lagi. Ini adalah akibat pengaruh dua tokoh falsafah hebat yang beragama kristian iaitu Thomas Aquinas dan Saint Augustine dari abad ke-4. Mereka mengatakan bahawa seseorang yang berniat untuk mengambil nyawa mereka sendiri yang diberikan oleh Pencipta, telah mengendahkan kehendak dan kuasa tuhan. Oleh itu, gereja telah menganggap perlakuan membunuh diri sebagai suatu dosa besar (Hirono, 2013).

Tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat bahawa antara rujukan utama bagi undang-undang berkaitan jenayah adalah Kanun Keseksaan. Seperti yang diperkatakan pada perenggan sebelum ini, undang-undang Malaysia banyak dipengaruhi undang-undang Inggeris akibat penjajahan mereka ke Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Namun, tahukah anda terdapat beberapa negara yang juga mengamalkan undang-undang yang mirip dengan Malaysia? Antaranya India, Singapura dan beberapa negara Komanwel yang lain. Fokus utama penulisan ini adalah untuk melihat pelaksanaan undang-undang di bawah konteks membunuh diri atau percubaan membunuh diri. Jadi bagaimanakah negara-negara di seantero dunia mengendalikan kes cubaan membunuh diri? Negara seperti German telah melaksanakan langkah proaktif dengan menggugurkan anggapan cubaan bunuh diri sebagai satu jenayah pada tahun 1751. Menariknya, kebanyakan negara Eropah mula mengambil langkah yang sama dengan tidak menjadikan cubaan bunuh diri sebagai jenayah selepas berlakunya Revolusi Perancis pada

abad ke-18. Malahan, negara Scotland tidak pernah mempunyai undang-undang seperti menghukum mereka yang mencuba untuk membunuh diri (Holt, 2011).

Di United Kingdom, membunuh diri merupakan perbuatan yang dikeji dan boleh dihukum. Mulai abad ke-13, ia adalah suatu kesalahan untuk seseorang membunuh diri mahupun melakukan percubaan bunuh diri. Namun begitu, stigma dan pandangan buruk terhadap mereka yang ingin mencabut nyawa mereka sendiri telahpun bermula berkurun lama, sebelum abad ke-13. Untuk sesebuah kematian dinyatakan sebagai '*Felo De se*', iaitu satu terma lama untuk membunuh diri, seseorang itu perlu dibuktikan waras. Sekiranya mereka didapati waras, perkuburan Kristian tidak akan dilakukan kepada si mati, namun mayat tersebut akan dibuang ke dalam gaung dan tidak akan diberikan sebarang penghargaan mahupun doa. Selain itu, harta waris bagi si mati juga akan diberikan kepada Raja (Pickering & Walford, 2000). "Dari pertengahan abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-20, terdapat toleransi yang semakin meningkat dan pelembutan sikap masyarakat terhadap bunuh diri yang merupakan cerminan, antara lain, sekularisasi masyarakat dan munculnya profesion perubatan," kata Dr Wright, pengarang *Histories of suicide: International perspectives on self-destruction in the modern world*. Pada tahun 1958, Persatuan Perubatan British dan Persatuan Majistret mendesak untuk lebih berperikemanusiaan dan belas kasihan terhadap perbuatan bunuh diri. Atas desakan dan usaha dari pelbagai pihak, '*Suicide Act 1961*' telah digubal dimana akta ini telah menggugurkan tanggapan perbuatan membunuh diri sebagai suatu bentuk jenayah tetapi sebagai satu langkah untuk memberi perhatian kepada mereka yang cenderung melakukan perbuatan tersebut (Neill, 2010)

Perspektif Psikologi

Keadaan mental seseorang adalah elemen yang sangat penting untuk dibuktikan dalam sebarang pertuduhan dan ia amat ditekankan dalam undang-undang. Namun begitu, seksyen 309 seolah-olah mengabaikan pendekatan psikologi dalam masalah ini sekali gus menganggap bahawa hukuman yang diberikan adalah jawapannya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengeluarkan statistik bahawa hampir 800,000 orang terbunuh berpunca daripada bunuh diri (WHO, 2019). Pada tahun 2016, masalah bunuh diri ini juga merupakan faktor kedua terbesar yang menjurus kepada kematian bagi mereka yang berumur dari 15 hingga 29 tahun. Bahkan, masalah sedemikian bukan sahaja berlaku di negara berpendapatan tinggi, tetapi juga seluruh dunia tidak kira status sesebuah negara. Statistik jelas menunjukkan bahawa 79% daripada masalah bunuh diri ini berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana pada tahun 2016. Selain itu, organisasi terbabit turut menyatakan bahawa masalah bunuh diri ini adalah masalah kesihatan awam yang serius dan perlu dicegah bersama (WHO, 2019).

Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada cubaan membunuh diri berpunca daripada masalah teman atau keluarga, kesihatan mental, krisis kewangan, kebimbangan untuk menghadapi hukuman, penyakit fizikal yang kronik dan kurangnya sokongan (Johari, 2017). Lebih memeranjatkan apabila terdapatnya kajian yang menunjukkan bahawa laporan media juga menyumbang kepada pertambahan kadar cubaan membunuh diri (Heng et al.). Oleh itu, sebelum menghukum orang yang gagal dalam cubaan membunuh diri sebagai penjenayah, perlulah menyelidik punca perbuatan cubaan membunuh diri itu terlebih dahulu. Ini juga menunjukkan bahawa undang-undang sedia ada yang menghukum orang yang membuat cubaan membunuh diri tidak mencukupi dalam membanteras perbuatan tersebut.

Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015, terdapat 29.2% rakyat Malaysia mengalami tekanan atau masalah kesihatan mental. Ini menunjukkan tiga (3) daripada sepuluh (10) individu berusia 16 tahun ke atas mempunyai masalah kesihatan mental di mana wanita menunjukkan kadar yang lebih tinggi berbanding lelaki (Firdaus, G., 2019). Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, terdapat sebanyak 10% peningkatan terhadap kes keinginan membunuh diri dalam kalangan remaja (13-17 tahun) berbanding pada 2012 (7.9%). Beliau turut melaporkan bahawa kes perancangan untuk bunuh diri adalah 7.3% lebih tinggi berbanding 6.4% pada 2012. Tambahannya lagi, kes cubaan bunuh diri adalah sebanyak 6.9% menurut rekod Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (KKMK). Kementerian Kesihatan Malaysia juga melaporkan bahawa

berlakunya peningkatan sebanyak 10% berbanding tahun 2019 terhadap masalah mental dalam kalangan remaja berusia 13-17 tahun.

Berdasarkan temubual bersama Dr. Asyraf Rahim, seorang ahli psikologi klinikal di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), beliau menjelaskan bahawa punca-punca kepada masalah bunuh diri adalah pelbagai bergantung kepada individu. Punca-punca tersebut boleh dikategorikan kepada dua jenis, persekitaran dan biologi. Lazimnya, masalah bunuh diri ini bermula daripada masalah sakit mental yang dihadapi oleh individu. Individu yang didiagnosis menghadapi penyakit mental ini ialah pesakit yang memerlukan rawatan oleh pakar bergantung kepada kes tersebut. Beliau berpendapat bahawa pesakit-pesakit ini mengambil keputusan untuk menamatkan riwayat mereka kerana kesakitan emosi yang dipikul seolah-olah tiada penyelesaiannya. Kemurungan adalah punca utama kepada masalah seumpama ini disebabkan oleh peristiwa-peristiwa lampau yang memberi tekanan kepada pesakit seperti masalah kewangan, gejala buli dan isu kekeluargaan.

Fakta penting yang dinyatakan oleh beliau adalah golongan wanita mencatatkan angka yang lebih tinggi berbanding lelaki bagi kes cubaan membunuh diri. Manakala golongan lelaki merekodkan jumlah yang lebih tinggi berbanding wanita bagi kes kematian secara membunuh diri. Jelas sekali di sini bahawa keinginan membunuh diri ini boleh dihadapi oleh mana-mana golongan sekalipun tanpa mengira jantina seseorang. Keberanian untuk membunuh diri itu yang membuatkan bilangan kes lelaki jauh lebih tinggi berbanding wanita yang kebanyakannya berniat semata-mata tanpa upaya untuk menamatkan riwayat mereka. Rujukan utama yang sering digunakan oleh pakar perubatan, DSM-5, telah menggariskan beberapa gejala yang dihadapi oleh pesakit kemurungan seperti gangguan tidur (insomnia), hilang perasaan keterujaan dalam melakukan pelbagai aktiviti (anhedonia), hilang fokus dan sebagainya. Setiap pesakit yang mengalami penyakit mental ini akan diberikan rawatan oleh pakar sama ada preskripsi ubat-ubatan ataupun rawatan berbentuk sokongan dan kaunseling yang dijalankan di hospital.

Penggubalan Seksyen 309 di Negara-Negara Luar

Masyarakat mempersoalkan sebab dan rasional di sebalik keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman kepada mereka yang pastinya hanya akan mendatangkan mudarat melebihi manfaat. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menggesa pihak kerajaan untuk menggubal undang-undang.

Negara India merupakan salah sebuah negara yang telah dijajah oleh British pada zaman kolonialnya. Penempatan British telah mendatangkan pelbagai implikasi dan perubahan kepada sistem Undang-undang mereka termasuklah dengan memperkenalkan Kanun Kesenaksaan India (*Indian Penal code*). Di dalam undang-undang tersebut, terdapat seksyen 309 yang menghukum mereka yang cuba membunuh diri dengan hukuman penjara dan juga denda. Namun terdapat banyak usaha untuk menggubal undang-undang tersebut setelah masyarakat mula cakna akan kepentingan kesihatan mental seseorang. Pada tahun 1981, Mahkamah Tinggi Delhi mengutuk seksyen 309 sebagai “tidak layak untuk masyarakat”. Pada tahun 1994, Mahkamah Tertinggi India mengegelarkan seksyen tersebut “tidak rasional dan kejam” dan tidak dapat diaplikasikan. Melalui *Mental Health Bill* yang dibentangkan pada 2017, Menteri Kesihatan di India mengatakan bahawa cubaan membunuh diri hendaklah di *decriminalise* kerana perbuatan tersebut bukanlah suatu jenayah sebaliknya ianya adalah suatu penyakit yang dilakukan semasa pesakit tersebut mengalami tekanan perasaan yang kronik (Nayak, 2017). Behere et al. (2015) berpendapat bahawa *decriminalising* akan membuatkan orang berkenaan lebih bersikap terbuka dan membincangkan masalahnya dengan orang lain yang akhirnya akan mendapatkan bantuan profesional.

Kerajaan India telah bertindak untuk menggubal kembali akta tersebut dan sebagai gantinya, undang-undang tersebut membuat anggapan automatik, bahawa "setiap orang yang mencuba untuk membunuh diri akan dianggap, kecuali dibuktikan sebaliknya, mengalami tekanan yang teruk". Ini merupakan suatu langkah yang sangat baik kerana menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia, negara India mempunyai populasi yang tinggi yang mempunyai masalah mental disebabkan kemurungan. WHO

menjangkakan 36% daripada semua rakyat India mengalaminya. Barisan doktor di India memuji tindakan kerajaan kerana ia membuktikan masyarakat di India mengambil perhatian akan kesihatan psikologi mereka.

Negara Singapura juga tidak ketinggalan dalam mengambil langkah pragmatik. Pada 01 Januari 2020, arahan untuk menggugurkan jenayah cubaan membunuh diri daripada Kanun keseksaan Singapura telah dikuatkuasakan. Oleh kerana Singapura juga merupakan salah satu kawasan jajahan British, maka mereka menggunakan Kanun Keseksaan yang sama. Terdapat banyak kejadian membunuh diri yang berlaku di negara Singapura yang menyebabkan wujudnya spekulasi akan keberkesanan seksyen 309. Sebanyak 1,076 kes telah direkodkan pada tahun 2018, dengan 837 orang yang telah ditahan atas kesalahan tersebut. Terdapat kenaikan kadar percubaan membunuh diri yang membimbangkan pada tahun 2018 yakni dari 7.74 untuk setiap 100,000 penduduk kepada 8.36 untuk setiap 100,000 penduduk. Ia juga dapat dilihat dari data bahawa lelaki lebih cenderung untuk berjaya dalam membunuh diri, namun bilangan perempuan adalah dua kali ganda lebih tinggi dan ia menunjukkan bahawa golongan wanita lebih banyak terkesan sekiranya undang-undang tersebut tidak diubah (Anuar, 2019).

Seksyen 309: Masih relevan atau perlu anjakan paradigma di Malaysia?

Terdapat banyak perbahasan secara jurispruden dalam mentafsirkan keperluan sesuatu undang-undang itu digubal. Undang-undang seharusnya menjadi alat oleh kerajaan dalam mencapai aspirasi mereka melalui dasar yang dikemukakan demi kemaslahatan negara. Justeru, kajian secara doktrinal akan dilakukan bagi menilai rasional seksyen 309 dengan keadaan semasa di Malaysia agar satu jawapan yang jelas dapat dicapai. Secara dasarnya, ahli falsafah perundangan berpendapat bahawa undang-undang seharusnya bertindak selari dengan keperluan masyarakat. Ehrlich, seorang pakar perundangan yang berfahaman sosiologi memperkenalkan konsep Undang-Undang Hidup atau '*Living Law*' di dalam sebuah struktur masyarakat. Fahaman ini menjelaskan tentang keperluan undang-undang untuk bergantung kepada keadaan semasa sesebuah masyarakat, bukan terhadap pihak berkuasa semata-mata. Justeru, undang-undang seharusnya berevolusi mengikut zaman dan tidak sewajarnya bersifat statik.

Seksyen 309 digubal berdasarkan beberapa alasan. Pertama, seksyen ini digubal kerana dasar kepercayaan terhadap agama. Bagi menjawab persoalan ini, perhatian harus diberikan kepada perbuatan membunuh diri. Membunuh diri adalah satu kesalahan di sisi tuhan dan urusan tuhan seharusnya diletakkan sepenuhnya kepadaNya. Tiada undang-undang manusia yang harus dipengaruhi oleh agama kerana undang-undang agama dan undang-undang manusia berasal dari sumber yang berbeza. Menurut pandangan St. Thomas Aquinas, matlamat undang-undang manusia (*lex humana*) dibuat rentetan daripada ketidakmampuan undang-undang semulajadi (*natural law*) dalam menyelesaikan kebanyakan masalah masyarakat kini dan sebagai mekanisme untuk memaksa manusia yang mementingkan diri agar berkelakuan yang sepatutnya (Freeman, 2014). Oleh itu, sekiranya matlamat seksyen 309 adalah untuk memenuhi kehendak tuhan, alasan ini tidak kukuh memandangkan undang-undang manusia seharusnya digubal mengikut keperluan semasa. Arahan tuhan seharusnya dimanifestasikan di dalam undang-undang yang bersumberkan tuhan dan tidak mengikat semua golongan untuk mematuhi memandangkan undang-undang agama ini dikhususkan kepada penganutnya.

Alasan kedua terhadap penggubalan undang-undang ini adalah untuk mengekang masalah bunuh diri daripada terus berleluasa. Satu kaedah untuk menjawab persoalan ini adalah melalui idea H.L.A Hart terhadap hakikat manusia melalui prinsip kebenaran terhadap hakikat manusia (*truism about human nature*). Menurut beliau, manusia memerlukan perlindungan secara minimum bagi melindungi manusia, harta dan janji kerana beberapa sifat manusia yang tidak dapat dielak (Hart, 2012). Justeru, hakikat manusia ini memerlukan undang-undang digubal bagi melindungi mereka seperti yang termaktub di dalam fahaman kandungan minimum undang-undang natural (*minimum content of natural law*). Lima hakikat manusia termasuklah manusia mudah terdedah (*human vulnerability*), ketidaksamaan (*approximate equality*), kelakuan yang mementingkan diri (*limited altruism*), sumber

yang terhad dan kefahaman yang terhad. Melihat kepada kelima-lima faktor ini, undang-undang perlu dilaksanakan demi mengekalkan keamanan sejagat (Hart, 2012).

Namun, matlamat penggubalan seksyen 309 dilihat bercanggah dengan fahaman ini memandangkan perbuatan membunuh diri berlaku bukan disebabkan hakikat manusia seperti yang digariskan oleh Hart. Justeru, idea untuk menggubal nilai moral sebagai undang-undang tidak konsisten dengan prinsip kandungan minimum undang-undang natural sekali gus meletakkan seksyen 309 ini sebagai satu perbuatan yang tidak berasas. Suka ataupun tidak, keinginan seseorang untuk membunuh diri akan tetap ada memandangkan perbuatan ini adalah berpunca daripada penyakit mental yang dihadapi oleh mereka. Oleh yang demikian, matlamat undang-undang untuk mengekang masalah ini melalui hukuman yang diberikan adalah sangat tidak wajar seolah-olah menyimbah minyak ke api, bukan menyelesaikan, sebaliknya memburukkan keadaan sedia ada.

Rasional ketiga yang menjadi asas penggubalan seksyen 309 adalah berdasarkan larangan untuk mengambil nyawa seseorang termasuklah diri sendiri. Bagi menjawab pertikaian ini, kita seharusnya cakna bahawa seksyen 309 adalah *mala prohibita*, berbeza sama sekali dengan perbuatan membunuh. Justeru, alasan yang digunakan untuk menjenayahkan cubaan bunuh diri adalah tidak tepat memandangkan perbuatan mengambil nyawa seseorang dan cubaan membunuh diri adalah dua perkara yang berbeza. Selain itu, cubaan bunuh diri ini merupakan satu perbuatan di peringkat keinginan, maka tiada nyawa yang diambil sekali gus menjadikan alasan ini langsung tidak berasas. Cubaan membunuh diri merupakan satu usaha untuk mengekang masalah bunuh diri, iaitu jenayah yang tidak bermangsa (*victimless crime*). Oleh yang demikian, mekanisme undang-undang seumpama ini yang bertujuan untuk menghukum tidak efisien. Steven Vago juga berpendapat bahawa undang-undang jenayah tanpa mangsa adalah undang-undang yang dianggap tiada keabsahan oleh sebahagian besar masyarakat dan mereka akan bertindak sambil lewa untuk mematuhi undang-undang seumpama ini.

Undang-Undang yang terpakai bagi kes cubaan membunuh di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan seharusnya disemak semula. Undang-undang yang pada dasarnya berasaskan kepada Undang-Undang Inggeris kini tidak lagi bersesuaian dengan keadaan semasa. Malahan negara United Kingdom sendiri telah meninggalkan undang-undang jenayah yang dianggap kuno itu ke arah menjadikan hukuman cubaan membunuh diri sebagai proses pemulihan. Moore (2000) di dalam disertasi kedoktorannya berhujah bahawa *Suicide Act* (yang diperkenalkan di United Kingdom pada masa itu) adalah satu contoh pemindahan tanggungjawab untuk pengawalan tingkah laku melalui pengadilan jenayah kepada bidang kuasa perubatan bagi mewujudkan kawalan yang lebih berkesan. Ini selaras dengan pendapat Ping (2019) bahawa perhatian perlu diberikan kepada kemudahan akses untuk rawatan yang sewajarnya dan sensitif berbanding kepada proses pengadilan dan hukuman.

Kajian oleh Sinniah (2014) menunjukkan kadar percubaan membunuh di Malaysia dipengaruhi oleh budaya serta agama di mana orang Islam akan lebih berusaha untuk tidak melakukan cubaan membunuh diri kerana perbuatan tersebut adalah suatu perbuatan yang berdosa di sisi agama berbanding dengan kaum India yang akan membunuh diri akibat gagal menyelesaikan masalah. Kajian tersebut juga mendapati pesakit psikiatrik lebih berisiko tinggi untuk berasa tidak berguna, depresi dan akan menunjukkan tingkah laku untuk cubaan membunuh diri. Menurut kajian oleh Xiang et al. (2012), pelajar kolej lebih menerima perbuatan membunuh diri seumur hidup mereka dan idea membunuh diri berulang, serta peluang percubaan bunuh diri yang lebih tinggi pada masa akan datang. Ini adalah sesuatu yang membimbangkan. Apabila cubaan membunuh diri dikategorikan sebagai jenayah, ianya tidak membantu untuk mengurangkan kes tetapi ianya akan lebih menghalang atau melambatkan mereka ini daripada menerima bimbingan dan bantuan yang mereka perlukan.

Cadangan

Pindaan kepada undang-undang perlu sebagai langkah pertama dalam proses pemansuhan (*decriminalise*) dan diikuti dengan mengubah nilai budaya masyarakat terhadap perbuatan membunuh

diri. Keseluruhan proses ini tidak berlaku dalam sekelip mata malahan masyarakat perlu dididik dengan pemahaman bahawa perbuatan membunuh diri bukanlah satu jenayah (Kahn et al., 2013; Mondal, 2019). Isu mengenai sama ada undang-undang sedia ada memadai atau cukup untuk menangani sesuatu kes perlulah dilihat daripada beberapa aspek. Sekiranya undang-undang sedia ada yang bersifat sebagai pencegahan (*deterrence*) tetapi masih berterusan berlaku, ini menunjukkan undang-undang tersebut tidak berjaya (Ravindhran Kutty, 2009).

Penutup

Justeru, pendekatan yang paling tepat dalam menangani masalah keinginan membunuh diri ini adalah melalui kaedah klinikal. Pelbagai cara dapat dilakukan bersama sebagai langkah pencegahan bermula dari komuniti. Lazimnya, sokongan yang diberikan oleh penghidap penyakit mental seperti kemurungan ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung seseorang seolah-olah memberi sinar baharu buat mereka. Hal ini demikian kerana keinginan membunuh diri ini bermula daripada bebanan yang dihadapi mereka dan menjadi satu beban emosi buat mereka. Maka, rawatan yang harus diberikan seharusnya berbentuk sokongan masyarakat dan preskripsi ubat-ubatan oleh pakar sakit mental mengikut punca bagi kes tersebut. Bahkan, undang-undang yang bersifat menghukum tidak memberikan rasa takut untuk membunuh diri melainkan menambah tekanan yang dihadapi oleh mereka. Laporan Bunuh Diri Sedunia yang dilancarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia menuntut kerjasama kesemua 194 negara-negara ahli untuk mengurangkan kes bunuh diri sebanyak 10% pada tahun 2020. Laporan tersebut turut memberi perhatian kepada status perundangan terhadap perbuatan membunuh diri dalam kalangan negara-negara ahli dan kesannya dalam mencegah masalah ini bersama. Justeru, seksyen 309 di Malaysia seharusnya dimansuhkan seterusnya memberi penekanan terhadap penyelesaian yang lebih efektif dalam mencegah masalah ini dari terus membarah.

Rujukan

- Anuar, Nur H. (2019, August 07). Bunuh diri bukan masalah dalam masyarakat Melayu/ Islam tetapi yang berisiko perlu dibantu. *Berita MediaCorp*. Retrieved from <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/bunuh-diri-bukan-masalah-dalam-masyarakat-melayu-islam-tetapi/4319426.html>
- Behere, P. B., Rao, T. S., & Mulmule, A. N. (2015). Decriminalization of attempted suicide law: Journey of Fifteen Decades. *Indian journal of psychiatry*, 57(2), 122.
- Biggar N., Longman & Todd (2006). Aiming to kill: The ethics of suicide and euthanasia. *Journal of Medical Ethics*, 32(9), 556. doi: 10.1136/jme.2006.016857
- Cusack, C. (2018). Self-murder, sin, and crime: Religion and suicide in the middle ages in advance. *Journal of Religion and Violence*, 6(2). doi: 10.5840/jrv2018103055.
- Firdaus, G. (2019, Oktober 10). Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019: Promosi kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-kesihatan-mental-sedunia-2019-promosi-kesihatan-mental-dan-pencegahan-bunuh-diri-219627>
- Foo, X. Y., Mohd, M. N., Alwi, Ismail, S. I. F., Ibrahim, N. & Osman, Z. J. (2012). Religious commitment, attitudes toward suicide, and suicidal behaviors among college students of different ethnic and religious groups in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 53(3). doi: 10.1007/s10943-012-9667-9
- Freeman, M. (2014). *Lloyd's introduction to jurisprudence*. London: Sweet & Maxwell.
- Hart, H.L.A. (2012). *The concept of law*. Oxford: Oxford University Press.
- Heng, J. G., Ling, T. P., & Victor, J. G. (2019). A framing analysis of news coverage on suicide by Utusan Malaysia and Kosmo!. Paper presented at 6th International SEARCH Conference, Taylor's University, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Hirono, T. (2013). The role of religious leaders in suicide prevention: A comparative analysis of American Christian and Japanese Buddhist Clergy. *SAGE Journals*. 3, 1-11. doi: 10.1177/2158244013

- Holt, G. (2011, August 3). When suicide was illegal. *BBC News*. Retrieved from <https://www.bbc.com/news/magazine-14374296>
- Johari, M. A., Shukri, M. Z. M., Abd, M. A. S., Karim, M. H. H. I., Khazali, A. K., Nasarudin, A. A., ... & Razali, S. (2017). Perception of media in reporting suicide cases in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 7(1), 59-67.
- Kahn, D. L., & Lester, D. (2013). Efforts to decriminalize suicide in Ghana, India and Singapore. *Suicidology Online*, 4, 96-104. Retrieved from <http://suicidology-online.com/pdf/SOL-2013-4-96-104.pdf>
- Latha, K. S. & Geetha, N. (2016). Criminalizing Suicide Attempts: Can it be a deterrent? *SAGE Publications*, 44(4), 343-347. Retrieved from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.912.3773&rep=rep1&type=pdf>
- Mishara B.L., Weisstub D.N. (2016). The legal status of suicide: A global review. *International Journal of Law and Psychiatry*. 44, 54-74. doi: 10.1016/j.ijlp.2015.08.032. PubMed PMID: 26375452.
- Mondal, N. (2019). Suicide and the law: Indian perspective. *Bengal Journal of Psychiatry*, 12-15.
- Moore, S. (2000). *The decriminalisation of suicide*. (Doctoral dissertation). Retrieved from London School of Economics and Political Science.
- n.a. (2020, Ogos 04). Lelaki tular cuba bunuh diri didenda RM3,000. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/606898/lelaki-tular-cuba-bunuh-diri-didenda-rm3000>
- Nayak, S. (2017). Suicide in India and its decriminalisation. *Indian Journal of Community and Family Medicine*, 3(01), 87-88.
- O'Neill, A. (2010). Assisted suicide in the U.K.: From crime to right? *Hastings Center Report*, 40(3), c4. doi:10.1353/hcr.0.0256.
- Pickering, W.S.F & Walford, G. (2000). *Durkheim's suicide: A century of research and debate*. London & New York: Routledge.
- Ping, N. Y., & Panirselvam, R. R. (2019). The endgame of Section 309? An appeal for decriminalisation of suicide. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 28(1), 1-6.
- Ravindhran Kutty, K. (2009). *A critical study on the role of Islamic criminal law and deterrence of crimes in Malaysia*. (Master's Thesis). Retrieved from University of Malaya. (<http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/9431>)
- Sinniah, A. (2014). *A controlled trial of individual cognitive behavior therapy for unipolar mood disorders with suicidal ideation outpatients: Exploring risk and protective factors*. (Doctoral dissertation) Retrieved from University of Queensland. (<https://doi.org/10.14264/uql.2015.159>)
- World Health Organisation. (2019, September 2). Suicide. Retrieved from <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/suicide>
- Yatim, N. (2020, Februari 02). OKU cuba bunuh diri dipenjara enam bulan. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/68438/KHAS/Isu/OKU-cuba-bunuh-diri-dipenjara-enam-bulan>